

# Kenyataan Tender Bil. 16/2026

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan/atau **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
2026/A050	<p>Cadangan Kerja – Kerja Penggantian Enam (6) Unit Lif Penumpang Di Kawasan PA Hang Tuah, Kuala Lumpur</p> <p><b>Harga Dokumen: RM400.00</b></p>	<p>Berdaftar Dengan CIDB</p> <p>Gred G5 sehingga G7</p> <p>Kategori ME Pengkhususan M03</p> <p>Sijil Firma Yang Kompeten (FYK) berdaftar dengan JKKP</p> <p><b>( Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Dan Putrajaya Sahaja)</b></p> <p><b>* Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan</b></p>	<p><b><u>Tarikh Taklimat Tapak</u></b> 14 Mei 2026 (Khamis)</p> <p><b><u>10.00 Pagi – 11.00 Pagi</u></b> <b>Bilik Gerakan, Tingkat 3,</b> <b>Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut,</b> <b>50350 Kuala Lumpur.</b></p> <p><b><u>Tarikh Tender Ditutup</u></b> 04 Jun 2026 (Rabu)</p>

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my). Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)
3. Berkuatkuasa serta – merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate - TCC**) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH' adalah dokumen wajib untuk dipatuhi oleh setiap kontraktor
4. **Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan**
5. Dokumen Tender **2026/A050** boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.

6. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2026/A050** adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut:-
- i. **Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB (2026/A050)**
  - ii. **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB (2026/A050)**
  - iii. **Cop Syarikat (Rubber Stamp) (2026/A050)**
  - iv. **Kad Pengenal Penama Didalam Sijil (2026/A050)**
  - v. **Sijil Firma Yang Kompeten (FYK) berdaftar dengan JKKP**
  - vi.
7. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
8. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
9. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ([www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)) dan laman sesawang eperolehan DBKL ([eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)).

**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**Tarikh Iklan : 11 Mei 2026 (Isnin)**

**Laman Sesawang : [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my) dan [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)**